

MODUL PEMBANGUNAN PROFESIONALISME KEGURUAN BERASASKAN MODEL KUALITI KAIZEN

TEACHER PROFESSIONAL DEVELOPMENT MODULE BASED ON KAIZEN MODEL OF QUALITY

Norazlinda Saad¹
Surendran Sankaran²

¹Universiti Utara Malaysia, azlinda@uum.edu.my

²Universiti Utara Malaysia, surendran@uum.edu.my

Accepted date: 31 October 2017

Published date: 15 July 2018

To cite this document: Saad, N. & Sankaran, S. (2018). Modul Pembangunan Profesionalisme Keguruan Berasaskan Model Kualiti Kaizen. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(15), 95-103.

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara Kerelevanan dan Kesesuaian dengan persepsi guru terhadap kualiti Modul Pembangunan Profesionalisme Keguruan yang menekankan pembelajaran sepanjang hayat. Kajian berbentuk kuasi-eksperimen ini melibatkan kumpulan eksperimen yang menggunakan Modul Pembangunan Profesionalisme Keguruan. Populasi kajian terdiri daripada guru-guru yang sedang mengajar di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) di negeri Perlis, Kedah dan Pulau Pinang. Seramai 60 orang guru dipilih dengan menggunakan persampelan bertujuan. Modul Pembangunan Profesionalisme Keguruan dan soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian dan item-item untuk soal selidik diadaptasikan dari kajian-kajian lepas dan tinjauan literatur. Dalam kajian rintis beberapa aspek penyesuaian item telah dijalankan sehingga terhasil nilai Cronbach Alfa yang tinggi (0.90). Sesi latihan menggunakan Modul Pembangunan Profesionalisme Keguruan yang menekankan pembelajaran sepanjang hayat dilaksanakan kepada kumpulan eksperimen. Data yang dikumpul dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif iaitu Min dan Sisihan Piawa dan statistik inferensi iaitu korelasi Pearson. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Kerelevanan dan Kesesuaian Modul Pembangunan Profesionalisme Keguruan mempunyai min yang tinggi. Variabel Bersandar juga menunjukkan min keseluruhan Program Pembangunan Profesionalisme Keguruan adalah tinggi. Analisis korelasi Pearson menunjukkan bahawa variabel Kerelevanan dan Kesesuaian mempunyai hubungan yang signifikan dan kuat dengan persepsi guru terhadap kualiti Modul Pembangunan Profesionalisme Keguruan. Dapatan kajian memberi implikasi bahawa Pembangunan Profesionalisme Keguruan yang sesuai dan relevan amat diperlukan untuk menambahbaik kemahiran PdPC bagi menjayakan transformasi pendidikan.

Kata Kunci: Profesionalisme, Guru, Pembelajaran Sepanjang Hayat, Kesesuaian, Kerelevanan, Kualiti

Abstract: *This study aimed to identify the relationship between the Relevance and the Suitability with teachers' perception of the quality of Teacher Professional Development Module which emphasize lifelong learning. Quasi-experimental study involves the experimental group using Teacher Professional Development Module. The population of the study consisted of teachers who are currently teaching at Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) in Perlis, Kedah and Penang. A total of 60 teachers were selected using purposive sampling. Teacher Professional Development Module and the questionnaires were used as the research instrument and the items for the questionnaires were adapted from past studies and literature review. In the pilot study some aspects of item adjustment were carried out resulting in high Cronbach Alpha values (0.90). Training sessions using the Teacher Professional Development Module that emphasizes lifelong learning is implemented to the experimental group. Data were analyzed using descriptive statistics of mean and standard deviation, and inferential statistics of Pearson correlation. The results show that the Relevance and Suitability of Teacher Professional Development Module has a high mean. Dependent variables also showed an overall mean of Teacher Professional Development Module is high. Pearson correlation analysis showed that the Relevance and Suitability have a significant and strong relationship with teachers' perception on the quality of Teacher Professional Development Module. The findings imply that the relevant and the suitable professional development module is needed to improve the teaching and facilitating skills to ensure the transformation of education.*

Key Words: *Professionalism, Teachers, Lifelong Learning, Relevance, Suitability, Quality*

Pengenalan

Dalam konteks pendidikan di Malaysia, proses Pembangunan Profesionalisme Keguruan yang memberi pendedahan kepada pengetahuan dan kemahiran baru perlu melibatkan guru yang baru mula bertugas dan juga guru-guru yang telah lama mengajar. Pendedahan kepada pengetahuan dan kemahiran baru dalam bidang keguruan dapat membantu guru untuk memantapkan lagi kemahiran menyampaikan ilmu kepada pelajar serta berkongsi idea-idea dan pengetahuan yang relevan dengan perkembangan semasa.

Menurut Cheah dan Lim (2010), mengajar adalah profesion yang unik kerana sebelum melibatkan diri dalam bidang perguruan, calon guru telah mempunyai imej lampau tentang cara mengajar berdasarkan pengalaman mereka sebagai pelajar. Oleh hal yang demikian pembangunan guru melibatkan tugas berterusan untuk melupakan kaedah lama dan mempelajari pengetahuan baru. Justeru, pendidik yang berkualiti bukan sahaja perlu memberi penekanan kepada kemajuan pelajar tetapi juga kepada kemajuan mereka sendiri. Tanpa pendidik-pendidik yang berkualiti dan sentiasa mengikuti perkembangan semasa, kemungkinan besar kemajuan pelajar tidak akan dicapai dengan sepenuhnya.

Penyataan Masalah Kajian

Bagi meningkatkan profesionalisme guru, pelbagai usaha telah dijalankan ke arah memperkasa kualiti profesionalisme guru (KPM, 2010). Salah satu pendekatan pembangunan profesionalisme guru yang popular di Malaysia ialah Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP). Menurut M. Nur dan Norasmah (2011), Latihan Dalam Perkhidmatan memainkan peranan dalam meningkatkan prestasi kerja guru melalui pengetahuan, kemahiran dan keterampilan dari segi teori dan praktikal. Walau bagaimanapun, dapatan kajian-kajian lepas menunjukkan latihan dalam perkhidmatan kurang sesuai dan tidak relevan dengan keperluan guru kerana ia

dilaksanakan dengan pendekatan satu dimensi iaitu atas-bawah dan peristiwa sekali sahaja seperti kursus dan bengkel (Lokman & Kalsom, 2011; Sazali, 1993). Ini menjelaskan bahawa program yang sedia ada tidak memberi impak yang signifikan seperti yang dijangkakan dan tidak memenuhi keperluan.

Malah terdapat juga kajian yang hanya memberi fokus kepada guru-guru sedia ada dalam perkhidmatan. Justeru, untuk menjadikan program pembangunan profesionalisme keguruan ini mantap dan menyeluruh adalah dicadangkan dan seharusnya melibatkan guru-guru baru dan guru-guru yang sudah lama berkhidmat (Saedah & Mohammed Sani, 2012). Dapatan kajian lepas juga mencadangkan supaya pelaksanaan program pembangunan profesionalisme dalam kalangan guru perlu menitikberatkan pengetahuan (knowledge) dan kemahiran (skill) yang diperlukan oleh guru serta menekankan pembelajaran sepanjang hayat supaya guru-guru berpeluang untuk memajukan diri mereka seiring dengan perkembangan semasa.

Menurut Muzirah dan Nurhana (2013) guru-guru di sekolah perlu mengenal pasti jenis program pembangunan profesionalisme yang mereka perlukan untuk membantu mereka menyiapkan diri menghadapi cabaran dalam dunia pendidikan semasa. Oleh itu, proses pembangunan profesionalisme yang berterusan dalam kalangan guru amat diperlukan bagi meningkatkan mutu pendidikan negara (Mohd Yusof, Noor Rahamah & Maizatul Haizan, 2011; Syed Ismail & Ahmad Subki, 2010).

Oleh itu, kajian ini bertujuan membangunkan satu Modul Pembangunan Profesionalisme Keguruan Berasaskan Pembelajaran Sepanjang Hayat yang merangkumi modul Teknologi, Pedagogi, Psikologi dan Penilaian serta mengenal pasti persepsi guru terhadap Modul tersebut. Modul yang dibangunkan dianggap dapat dijadikan sebagai asas dalam membangunkan program profesionalisme guru secara berterusan dan membantu dalam pencapaian hasrat KPM.

Objektif Kajian

Secara khususnya kajian ini bertujuan untuk:

1. Mengkaji Kerelevanan dan Kesesuaian setiap modul dalam memenuhi keperluan Pembangunan Profesionalisme Keguruan.
2. Meninjau persepsi guru terhadap kualiti Modul Pembangunan Profesionalisme Keguruan.
3. Mengetahui hubungan antara Kerelevanan dan Kesesuaian Modul dengan persepsi guru terhadap kualiti Modul Pembangunan Profesionalisme Guru.

Tinjauan Literatur

Pembangunan Profesionalisme Keguruan

Dalam dunia moden yang berkembang pesat ini, peranan sekolah telah berubah dan guru perlu meningkatkan domain pengetahuan dan kecekapan-kecekapan baru untuk membolehkan mereka mengikut peredaran zaman (Mohammed, 2005). Istilah “Pembangunan Profesionalisme Keguruan” merupakan suatu yang baharu dalam bidang keguruan. Pembangunan Profesionalisme Keguruan bermaksud suatu proses meningkatkan kompetensi diri secara formal dan tidak rasmi serta dilaksanakan secara berterusan dan sistematik (Muhammad Faizal, Abdul Khalil, Zaharah, Norfariza, Ainoor Mahfuzah & Faisal, 2016). Program pembangunan profesionalisme adalah sebahagian daripada keseluruhan pelaksanaan pengurusan sumber manusia dalam sesuatu organisasi (Thompson, 2015; Torrington, 1994). Program-program yang diadakan untuk pembangunan profesionalisme merangkumi bengkel, seminar, persidangan, penyelidikan, dan kursus dalam perkhidmatan yang terdiri daripada

kursus jangka pendek dan jangka panjang. Program-program seumpama ini dianjurkan oleh pihak KPM, JPN, PPD mahupun di peringkat sekolah (Tang & Abdul Ghani, 2005).

Pembelajaran Sepanjang Hayat dalam Kalangan Guru

Pembelajaran sepanjang hayat memberi kepentingan kepada pekerja, memberi kuasa dan keseronokan (Knassel, Meed & Rossetti, 2000). Konsep ini merangkumi pendemokrasian pendidikan yang memberi peluang pendidikan tanpa mengira sosial kaum, umur dan jantina. Menurut Ramlan dan Wan Mohd. Rashid (2008), terdapat empat isu dan cabaran pendidikan sepanjang hayat pada masa kini secara umumnya. Pertama ialah, membanteras buta huruf dalam kalangan orang dewasa. Kedua ialah cara untuk membudayakan ilmu dalam komuniti setempat. Ketiga ialah mutu pendidikan negara semakin merosot dan yang terakhir ialah kurangnya minat untuk menambahkan ilmu pengetahuan. Menurut Rajaram dan Kudalingam (2015) Pembelajaran Sepanjang Hayat memberi manfaat bukan sahaja kepada guru tetapi juga kepada pelajar. Seorang guru dengan pengetahuannya yang sentiasa dikemaskini akan memindahkan pengetahuan yang dikemas kini tersebut dan pelajar akan mengalami pengalaman pembelajaran yang lebih baik.

Model Kualiti Kaizen

Model Kaizen telah dikenali sebagai kaedah terbaik untuk peningkatan prestasi dalam organisasi kerana kos pelaksanaannya adalah minimum (Titu, Oprean & Grecu, 2010). Menurut Mohamed Anwar, Nur Ain dan Zakaria (2013), salah satu konsep utama Kaizen adalah aktiviti penambahbaikan secara berterusan di mana teknik tersebut boleh menggalakkan individu mencari kaedah memperbaiki kehidupan seharian kepada keadaan yang lebih baik. Dalam konteks perguruan, model ini juga menjelaskan bahawa proses penambahbaikan profesionalisme guru perlu dilaksanakan secara berperingkat bermula dari tentukan matlamat penambahbaikan sehingga mengambil tindakan pembedahan. Di samping itu, model ini menegaskan proses penilaian dan penambahbaikan program perlu mengutamakan aspek kualiti. Ini kerana kualiti memenuhi kehendak pelanggan atau melebihi daripada yang diharapkan oleh pelanggan dan ia berhubungkait dengan produk, perkhidmatan, manusia, proses, dan persekitaran. Dalam konteks kajian ini, model Kaizen digunakan untuk mengenal pasti bagaimana variabel bebas Kerelevanan dan Kesesuaian sesuatu Modul Pembangunan Profesionalisme Keguruan dapat menggalakkan proses pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan guru. Modul Pembangunan Profesionalisme Keguruan yang dibangunkan perlu dibuat penambahbaikan secara berterusan sesuai dengan perubahan teknologi dan keperluan proses pengajaran dan pembelajaran.

Metodologi

Kajian berbentuk kuasi-eksperimen ini melibatkan kumpulan eksperimen yang menggunakan Modul Pembangunan Profesionalisme Keguruan. Populasi kajian terdiri daripada guru-guru yang sedang mengajar di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) di negeri Perlis, Kedah dan Pulau Pinang. Rasional pemilihan populasi kajian dari Perlis, Kedah dan Pulau Pinang adalah berasaskan kepada ketiga-tiga negeri ini dapat mewakili demografi guru-guru di Malaysia dengan mengambil kira sosio-ekonomi dan persekitaran yang hampir sama. Kaedah persampelan yang digunakan dalam proses pemilihan ini adalah persampelan bertujuan. Seramai 60 orang guru dipilih sebagai peserta kajian. Penggunaan persampelan bertujuan ialah bagi memastikan pemilihan sampel adalah selaras dengan tujuan kajian ini. Justeru, sampel yang dipilih perlu mematuhi beberapa ciri antaranya ialah;

- (i) Guru lelaki dan perempuan
- (ii) Telah berkhidmat melebihi satu tahun

(iii) Berstatus jawatan tetap di Sekolah Menengah Kebangsaan

Kajian ini menggunakan Modul Pembangunan Profesionalisme Keguruan Berasaskan Pembelajaran Sepanjang Hayat sebagai instrumen utama. Modul Pembangunan Profesionalisme Keguruan ini merangkumi Modul Pembangunan Profesionalisme Keguruan, Modul Pedagogi, Modul Psikologi, Modul Teknologi dan Modul Penilaian. Data daripada responden dikumpul dengan menggunakan soal selidik. Rasional penggunaan borang soal selidik adalah kerana ia tidak membabitkan kos yang tinggi dan masa yang panjang (Nik Pa, 2014). Soal selidik diadaptasikan daripada kajian-kajian lepas.

Soal selidik kajian diberikan kepada dua orang pakar bidang dan dua orang pakar bahasa untuk semakan kesahan instrumen. Dalam kajian rintis, beberapa aspek penyesuaian item telah dijalankan sehingga terhasil nilai Cronbach Alfa yang tinggi (0.90).

Jadual 1: Sumber Item Soal Selidik

Variabel	Sumber	Bil. item	Contoh Item
Kerelevanan Modul	Hung dan Yang (2015)	10	1. Saya amat memahami modul ini. 2. Saya sentiasa menggunakan modul ini dalam pengajaran. 3. Modul ini memberi pengetahuan yang baru kepada saya.
Kesesuaian Modul	University Teaching and Learning Centre (2015)	9	1. Modul ini amat sesuai digunakan oleh semua guru. 2. Penggunaan modul ini memberi faedah kepada guru. 3. Kandungan modul ini meningkatkan pencapaian guru.
Modul Pembangunan Profesionalisme	Lokman & Kalsom (2011)	9	1. Saya berminat untuk mengikuti program Pembangunan Profesionalisme Keguruan. 2. Saya suka untuk mengikuti program ini. 3. Program ini banyak membantu saya dalam meningkatkan pengajaran.

Pelaksanaan setiap modul mengambil masa selama 5 hari (40 jam) dan melibatkan teori dan praktikal. Setelah mengikuti modul guru diedarkan soal seldik untuk mendapatkan maklum balas tentang Kerelevanan dan Kesesuaian modul-modul yang dibangunkan serta persepsi guru terhadap kualiti Modul Pembangunan Profesionalisme Keguruan Berasaskan Pembelajaran Sepanjang Hayat.

Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS. Analisis data telah dilakukan secara deskriptif dengan menggunakan min dan sisihan piawai untuk melihat persepsi terhadap kualiti Modul Pembangunan Profesionalisme Keguruan Berasaskan Pembelajaran Sepanjang Hayat.

Dapatan dan Perbincangan Kajian Analisis Deskriptif Variabel Bebas

Jadual 2: Deskriptif Kerelevanan dan Kesesuaian Modul Pembangunan Profesionalisme Keguruan

Dimensi	Min	Sisihan Piawai (sp)
Kerelevanan Modul Pembangunan Profesionalisme Keguruan	4.19	0.14
Kesesuaian Modul Pembangunan Profesionalisme Keguruan	4.23	0.13

Jadual 2 menunjukkan analisis deskriptif bagi Kerelevanan dan Kesesuaian Modul Pembangunan Profesionalisme Keguruan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa variabel Kerelevanan dan Kesesuaian Modul Pembangunan Profesionalisme Keguruan mempunyai min yang tinggi iaitu masing-masing 4.23 ($sp = 0.13$) dan 4.19 ($sp = 0.14$). Lokman dan Kalsom, (2011) mendapati bahawa latihan pembangunan profesionalisme yang dilaksanakan perlu sesuai dan relevan dengan keperluan guru supaya ia dapat meningkatkan potensi diri guru dalam PdPc. Ini kerana Pembangunan Profesionalisme Keguruan memberi penekanan kepada peningkatkan kompetensi diri secara berterusan dan sistematik (Muhammad Faizal et al., 2016). Dapatan kajian ini menjelaskan bahawa program yang sedia ada dapat memberi impak seperti yang dijangkakan dan dapat memenuhi keperluan.

Analisis Deskriptif Variabel Bersandar

Jadual 3: Deskriptif Modul Pembangunan Profesionalisme Keguruan

Variabel	Min	Sisihan Piawai (sp)
Modul Pembangunan Profesionalisme Keguruan	4.27	0.08

Jadual 3 menunjukkan analisis deskriptif bagi Modul Pembangunan Profesionalisme Keguruan. Dapatan kajian menunjukkan Min keseluruhan Modul Pembangunan Profesionalisme Keguruan adalah tinggi iaitu 4.27 ($sp= 0.08$). Dapatan kajian ini adalah selari kajian Lokman dan Kalsom (2011) yang turut mendapati nilai skor min Program Pembangunan Profesionalisme Keguruan adalah pada tahap yang tinggi. Ini menjelaskan bahawa terdapat keperluan latihan atau kursus untuk guru dalam meningkatkan profesionalisme mereka. Justeru itu, peningkatan profesionalisme seorang guru akan membantu pelajar untuk mengalami pengalaman pembelajaran yang lebih baik (Rajaram & Kudalingam, 2015).

Jadual 4: Kolerasi Pearson antara Kerelevanan dan Kesesuaian Modul dengan persepsi guru terhadap kualiti Modul Pembangunan Profesionalisme Guru

	Kerelevanan		Kesesuaian		Persepsi	
	r	Sig.	r	Sig.	r	Sig.
Kerelevanan	1		0.796	0.000	0.849	0.000
Kesesuaian			1		0.775	0.000
Persepsi					1	

Sig. pada $p < .01$

Dapatan (Jadual 4) menunjukkan variabel Kerelevanan dan Kesesuaian modul mempunyai hubungan yang positif dan signifikan ($p < .01$) dengan persepsi guru terhadap Modul T3P Pembangunan Profesionalisme Guru. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Kerelevanan dan Kesesuaian modul mempunyai hubungan yang sangat kuat dengan persepsi guru terhadap Modul T3P Pembangunan Profesionalisme Guru dengan nilai r masing-masing 0.849 dan 0.775.

Ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara Kerelevanan dan Kesesuaian Modul Pembangunan Profesionalisme dengan persepsi guru. Hal ini kerana guru merasa modul tersebut relevan dan sesuai bagi memenuhi keperluan dalam meningkatkan kualiti profesionalisme mereka. Hal ini disokong oleh Omar (2010) yang menyatakan dengan adanya Latihan Dalam Perkhidmatan dianggap sebagai alat yang paling berkesan dalam memberi latihan dan latihan semula kepada guru-guru yang meliputi pengetahuan dan kemahiran baru kepada guru dalam meneruskan kerjaya bagi mengharungi cabaran dunia pendidikan.

Kerelevanan dan Kesesuaian Modul ini mampu mengubah tingkah laku dan menjadi alat kepada perubahan tingkah laku melalui proses pembelajaran. Dapatan kajian ini juga selari dengan konsep utama Kaizen iaitu kualiti dan aktiviti penambahbaikan secara berterusan (Mohamed Anwar, Nur Ain & Zakaria, 2013).

Implikasi Kajian

- Dapatan kajian ini telah membantu untuk mendapatkan persepsi guru terhadap keberkesanan Modul Pembangunan Profesionalisme Keguruan, dan kerelevanan dan kesesuaian setiap modul supaya memenuhi keperluan pembangunan profesionalisme guru. Dengan itu, guru dapat lebih peka dan prihatin dalam mempersiapkan diri dari aspek emosi, mental, fizikal dan psikologi dalam menghadapi cabaran di masa hadapan.
- Guru-guru perlu mempunyai inisiatif untuk melibatkan diri dalam aktiviti Pembangunan Profesionalisme Keguruan. Guru hendaklah sentiasa bersedia untuk berubah dalam usaha untuk menjadi seorang guru yang profesional dan cemerlang.
- Kajian yang dijalankan ini juga telah memberi kesedaran kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia di atas perubahan dasar pendidikan yang dilaksanakan. Pihak Kementerian perlu peka agar dasar-dasar pendidikan yang dilaksanakan di masa hadapan nanti selari dan diperbaiki serta mampu meningkatkan mutu perkhidmatan terutamanya para guru.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, dapat dirumuskan bahawa Pembangunan Profesionalisme Keguruan amat diperlukan untuk meningkatkan kecemerlangan dan kecekapan PdPC. Dua perkara penting yang harus dipertimbangkan dalam pembangunan Modul Pembangunan Profesionalisme Keguruan adalah Kesesuaian dan Kerelevanan. Kesesuaian Modul merujuk kepada pelaksanaan modul dari segi mudah diikuti dan mencapai objektif yang telah ditetapkan. Manakala Kerelevanan Modul pula merujuk kepada modul yang dibangunkan memenuhi keperluan guru untuk tujuan pembangunan profesionalisme.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa variabel Kerelevanan dan Kesesuaian Modul Pembangunan Profesionalisme Keguruan mempunyai min yang tinggi dan Min keseluruhan Modul Pembangunan Profesionalisme Keguruan juga adalah tinggi. Dengan itu, dapat rumuskan bahawa modul-Modul Pembangunan Profesionalisme Keguruan yang Berasaskan Pembelajaran Sepanjang Hayat perlu diperbanyakkan untuk meningkatkan potensi dan kompetensi diri para guru dan memantapkan kualiti pendidikan negara. Justeru, Modul Pembangunan Profesionalisme Keguruan perlu sesuai dan relevan dengan keperluan pembangunan diri dan sahsiah guru. Kepentingan dan keutamaan kepada dua perkara ini berupaya untuk menambahbaik kemahiran PdPC guru dan seterusnya usaha ini menyokong hasrat agenda negara bagi menjayakan transformasi pendidikan.

Rujukan

Cheah, U. H., & Lim, C. S. (2010). *Disseminating and Popularising Lesson Study in Malaysia and Southeast Asia*. APEID Hiroshima Seminar: Current Status and Issues on Lesson Study in Asia and the Pacific Region.

- Hung, J., & Yang, D. (2015). The validation of an instrument for evaluating the effectiveness of professional development program on teaching online. *Journal of Educational Technology Development and Exchange*, 8(1), 17-37.
- Knassel, E., Meed, J. & Rosetti, A. (2000). *Learn for Your Life: A Blueprint for Continuous Learning*. Financial Times, London: Prentice Hall, Pearson Education.
- Lokman, M.T., & Kalsom, S., (2011). *Implikasi Latihan Dalaman Kepada Guru-Guru Sekolah Rendah*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia. Diakses pada 5 Mac 2014 dari [http://eprints.utm.my/11910/1/Implikasi Latihan Dalaman Kepada Guru.pdf](http://eprints.utm.my/11910/1/Implikasi_Latihan_Dalaman_Kepada_Guru.pdf)
- Mohamed Anwar, M. J., NurAin, M., & Zakaria, M. (2013). *Adaptasi Sistem Kaizen Dalam Konsep Pengurusan Kediri: Satu Kajian Kes di Jabatan Pengajian Asia Timur, Universiti Malaya*. Proceeding of the International Conference on Social Science Research (ICSSR2013), e-ISBN 978-967-11768-1-8.
- Mohammed, S. I., (2005). *Teacher Education Reforms and Teacher Professional Standards: How can we help teachers to cope with the changes and challenges in education ?* Kertas Kerja Persidangan Antarabangsa ke-12 Rangkaian Penyelidikan Literasi dan Pendidikan dalam Pembelajaran di Fakulti Pendidikan. Universiti Granada, Sepanyol, 11-14 Julai 2005.
- Mohd Yusof, et al. (2011). *The Dynamics of Student Participation in Classroom: Observation on level and forms of participation*. Paper presented at Learning and Teaching Congress of UKM, 18th-20th. December, Penang, Malaysia.
- Muhammad Faizal, A. G., Abdul, Khalil, A., Zaharah, H., Norfariza, M. R., Ainoor, M. A., & Faisal, E., Program Pembangunan Profesionalisme Guru Sekolah Berprestasi Tinggi. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*. Julai 2016, Bil. 3, Isu 3.
- Muzirah, A. M., & Nurhana, M. R. (2013). *Persepsi Guru Sains Yang Mengamalkan Lesson Study Sebagai Program Pembangunan Profesional Guru Terhadap Keberkesanan Pengajaran Dan Pembelajaran*. Proceeding of the Global Summit on Education 2013. 11-12 March 2013. Kuala Lumpur, 516-534.
- Rajaram, G. & Kudalingam, K. (2015). Importance and methods of lifelong learning to teachers in indian context. *International Journal of Administration and Governance*, 1(6), 1-3.
- Saedah, S., & Mohammed Sani, I.. (2012). *Standard Kompetensi Guru Malaysia*. Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan IPTA 2012.
- Syed Ismail, & Ahmad Subki. (2010). *Asas Kepimpinan & Perkembangan Profesional*. Selangor: Penerbitan multimedia Sdn. Bhd.
- Tang, K. N., & Abdul Ghani, K. (2005). *Program Perkembangan Staf dan Suasana Kerja Di Sekolah-Sekolah Menengah*. Prosiding Seminar Pendidikan Universiti Sains Malaysia: 28-30 Ogos 2005.
- Titu, M. A., Oprean, C., & Grecu, D. (2010). *Applying the KAIZEN Method and the 5S Technique in the Activity of Post-Sale Services in the Knowledge-Based Organization*. Proceeding of the International Multi Conference of Engineers and Computer Scientists 2010 Vol III, IMECS 2010, March 17-19, 2010, Hong Kong.
- Thompson, K. (2015). *The functionalist perspective on education*. Diakses pada Disember 10, 2015, daripada <http://revisesociology.com/2015/01/26/the-functionalist-perspective-on-education/>
- Torrington, D. (1994). *International human resource management: think globally, act locally*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- University Teaching and Learning Centre. (2015). *Ecevas*. Diakses pada 5 Julai 2015 dari https://ecevas2.uum.edu.my/Lecturer/Lecture_view.aspx

Penghargaan

Merakamkan ucapan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi atas pembiayaan geran FRGS serta pihak Universiti Utara Malaysia dan Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden kerana memberi sokongan dan kerjasama dalam menjalankan penyelidikan ini.